

Seorang pemuda diberkas

IPOH 7 Jan. — Polis telah memberkas seorang pemuda berusia 18 tahun, yang dipercayai pengedar dadah di pekan kecil Buntong di sini jam 10.30 pagi ini.

Jurucakap polis Ipoh memberitahu hari ini setelah disiasat polis juga merampas sejumlah 36 tiub heroin seberat 2.5 gram dan wang tunai \$20.30 yang tersimpan dalam kocek seluar pemuda tersebut.

Menurutnya, tangkapan itu dibuat oleh seorang mata-mata yang sedang membuat rondaan di pekan kecil itu.

Ceramah agama

TELUK ANSON 7 Jan. — Ustaz Haji Dasuki Haji Ahmad, dari Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia akan memberi ceramah agama kepada penduduk-penduduk qariah Madrasah Jamakiah Jalan Manggis di sini pada 15 Januari ini jam 8 malam.



MENTERI Kebajikan Am, Puan Hajah Aishah Ghani sedang menyampaikan derma dari Pergerakan Wanita UMNO Malaysia kepada Puan Khadijah di Hospital besar somalem.

KHADIJAH SIDEK TITISKAN AIRMATA

KELIHATAN Puan Khadijah Sidek berada di atas kerusi hadiah dari Majlis Kebangsaan Pertubuhan-Pertubuhan Wanita yang disampaikan oleh Pengerusinya Tan Sri Hajah Fatimah Haji Hashim di sini semalam.

MENTERI Kebajikan Am, Puan Hajah Aishah Ghani sedang menyampaikan derma dari Pergerakan Wanita UMNO Malaysia kepada Puan Khadijah di Hospital besar somalem.

RISDA diarah utamakan kerja, biasiswa kepada anak2 pekebun kecil



Datuk Musa

RISDA telah diarahkan memberi keutamaan pekerjaan dan kemudahan biasiswa kepada anak para pekebun kecil bagi membolehkan mereka berkhidmat dengannya bila tamat nanti. Menteri Perusahaan Utama, Datuk Musa Hitam berkata RISDA juga bercadang menjadikan ibupejabatnya di Jalan Ampang sebagai asrama anak-anak para pekebun kecil.

BALING, 7 JAN.

Katanya, ibupejabat RISDA yang sedang dibina akan dilengkapkan kemudahan-kemudahan sebagai sebuah asrama bagi memberi peluang kepada anak para pekebun kecil belajar di sekolah dan institusi pelajaran tinggi di sekitar Kuala Lumpur.

Datuk Musa juga berkata RISDA sedang mencari bangunan yang sesuai di Pekan Sik dan Kuala Brang di Trengganu untuk projek asrama kedua dan ketiga. Beliau berharap dengan adanya asrama-asrama seumpama ini akan membolehkan anak-anak para pekebun kecil mendapat kemudahan belajar dengan lebih sempurna lagi.

Bagaimanapun tegasnya, para pegawai RISDA sendiri sedang membuat kajian untuk mendapatkan tempat yang sesuai bagi dijadikan asrama di bawah Perkhidmatan Kebajikan RISDA.

Menurut beliau, asrama tersebut diadakan setelah pindaan Akta RISDA 1972 dan Ordinan Tanam Semula Getah 1952 yang melonggarkan sekatan penggunaan tanah pertanian untuk dilakukannya tidak lama lagi," kata beliau.

Dengan terlaksananya rancangan itu, kata beliau, peluang-peluang untuk memajukan lagi anggota-anggotanya akan bertambah cerah bila kor itu memerlukan pegawai dan anggota-anggota yang tinggi kemahyuan, dedikasi, sanggup berkorban, jujur dan berdisiplin.

General Tan Sri Mohd Sany juga menegaskan, anggota-anggota rekrut, pelatih dan penuntut di Sekolah Jurutera Elektrik dan Jentera dan Sekolah Prantis Pertukangan Angkatan Tentera serta pelatih-pelatih di LATIDA melengkapkan diri masing-masing dengan pengetahuan yang diberi selaras dengan perkembangan dalam angkatan tentera yang semakin sophisticated.

Beliau juga mengingatkan ancaman musuh yang ingin menakluki negara ini serta taktik komunis menggunakan dadah untuk meruntuhkan akhlak masyarakat.

Beliau lalu mengarahkan pemerintah-pemerintah tentera di semua peringkat mengawasi ancaman dadah itu dan mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap mereka yang terlibat.

Yang dituduh menipu salah atas tuduhan menipu wang tunai \$400 dari Omar bin Bakar, seorang kerani pos di Bukit Mertajam pada 17 Mac lalu dengan mengeluhkannya wang sejumlah itu dari buku simpanan pejabat pos sementara yang simpanannya hanya berada sebanyak \$5.00 sahaja.

Encik Fernando telah menjatuhkan hukuman ke atas Halim penjara dua tahun dan denda sebanyak \$600 atau dua bulan penjara.

Beliau juga memerintahkan hukuman itu berjalan selepas tamat Halim menjalani empat hukuman penjara mulai 9 Ogos, 1978.

Bila terima sumbangan kerusi roda dan wang

KUALA LUMPUR, 7 Januari — Ibu Khatijah Sidek hari ini menitikkan air mata dan terharu apabila beberapa orang tokoh wanita mengunjungi beliau di Wad 28, Hospital Besar di sini serta menyampaikan sumbangan berupa sebuah kerusi roda dan wang berjumlah \$500. Yang Dipertua Majlis Kebangsaan Pertubuhan-Pertubuhan Wanita (NOWO), Tan Sri Hajah Fatimah Hashim dan beberapa orang ahli jawatankuasanya termasuk Puan Rosemary Chong (Wakil Rakyat Selayang), Puan John Gurusamy dan Puan Sri B.C. Shekhar telah mengunjungi Ibu Khatijah pagi ini.

Tan Sri Fatimah telah menghadiahkan sebuah kerusi roda yang diimport dari luar negeri berharga \$600 kepada tokoh politik wanita itu, sebagai sumbangan daripada NOWO.

Menteri Kebajikan Am, Puan Hajah Aishah Ghani, yang juga menjadi Ketua Wanita UMNO Malaysia kemudian mengunjungi Ibu Khatijah untuk menyampaikan derma \$300 dari Pergerakan Wanita UMNO Malaysia.

Datin Halimah Rasul pula menyampai sumbangan \$200 dari Tabung Kebajikan Wanita UMNO Negeri Sembilan kepada Ibu Khatijah. Turut serta ialah beberapa orang tokoh politik wanita termasuk Datin Fatimah Majid dan Senator Hajah Rahmah Kassim.

Pengaruh Hospital Besar Kuala Lumpur, Datuk (Dr.) R.P. Pillay, memberitahu para pemberita kemudiannya keadaan Ibu Khatijah yang telah dimasukkan ke hospital tersebut seminggu lalu akibat lumpuh kedua kakinya sedang beransur pulih.

Katanya, rawatan kepakaran yang diberikan kepada Ibu Khatijah memberikan kesan yang baik dan beliau mempunyai harapan yang cerah untuk berjalan semula.

Sambil menitikkan air mata dan dengan suara yang tertahan-tahan, Ibu Khatijah menyatakan rasa terharu atas kunjungan dan sumbangan dari badan-badan wanita itu.

Beliau mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah membela nasibnya serta menghulurkan derma kepadanya.

Nasib Ibu Khatijah, seorang tokoh politik kaum Ibu UMNO dan Muslimat PAS, telah mendapat perhatian.

Gunakan peluang, harapan kepada bekas perajurit

TIMBALAN Menteri Kesihatan, Datuk Haji Abu Bakar Omar berharap bekas perajurit yang telah berjaya diterima masuk ke dalam sekolah latihan pembantu hospital akan menggunakan peluang itu dengan sepenuhnya.

DARI MUKA 1

Sementara itu, di Kuala Lumpur, CUEPACS akan mengadakan sidang khas majlisnya pada 16 Januari ini untuk membincangkan kelambatan pelaksanaan Laporan Gaji Ibrahim Ali.

Setiausaha Agungnya, Encik Jamaluddin Mohamad Isa memberitahu, CUEPACS mungkin mengambil keputusan untuk menarik balik pengantungan tindakan perusahaan sekiranya laporan itu tidak dilaksanakan secepat mungkin.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Timbalan Perdana Menteri, Dr. Mahathir Mohamad di Kuching kelmarin bahawa kerajaan akan melaksanakan laporan itu sebaik saja kesatuan sekerja bersetuju dengan syor balas kerajaan.

Encik Jamaluddin menegaskan soal tersebut tidak timbul sama sekali kerana kerajaan telah berjanji untuk melaksanakan laporan gaji itu dengan beberapa ubah-suaian kecil sahaja sekiranya perbelanjaan yang ditanggung rendah dari \$377 juta.

Beliau mengingatkan bahawa kesatuan-kesatuan sekerja yang bergabung dengan CUEPACS telah memutuskan untuk mengambil tindakan perusahaan mengenai issue tersebut pada 1 Oktober tahun lalu, tetapi ini telah digantungkan berikutan campurtangan Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn.

Jambatan Kuala Kelawang ditutup

JELEBU, 7 Jan. — Jambatan Kuala Kelawang ditutup kepada semua kenderaan berat hari ini dengan kerosakan akibat banjir kelmarin.

Pembantu jurutera JKR di sini, Encik Teng Ah Sah dalam kenyataannya memberitahu tembok jambatan tersebut didapati telah pecah dan membahayakan kenderaan yang lalu di situ. Beliau mengarahkan semua kenderaan yang hendak ke simpang Perang dan Kuala Kelawang melalui Jalan Larong dan Petaling.

Tentera kaji peralatan untuk kegunaan Kor Peninjau Diraja

PORT DICKSON 7 Jan. — Angkatan tentera sekarang ini sedang mengkaji peralatan dan kelengkapan untuk digunakan oleh Kor Peninjau Diraja supaya ia dapat menjalankan tugas yang diamanahkan dengan lebih berkesan.

Ini adalah untuk memastikan ia dilengkapi dengan peralatan yang cukup, sesuai dengan peranan dan tanggungjawab penting yang dimainkannya dalam pertahanan negara.

Leftenant General Tan Sri Mohd. Sany ketika mengumumkan demikian hari ini berkata, langkah itu juga bertujuan untuk memastikan ia mempunyai kebolehan mengempur yang berkesan serta kebolehan mempertahankan satu-satu sektor untuk meng-

halang atau melambatkan kemaraan musuh. Berucap di satu perbarisan kehormatan di Markas Garison Port Dickson di sini pagi ini, Ketua Turus Tentera Darat itu juga menghuraikan beberapa peranan penting yang mungkin diamanahkan kepada kor itu nanti. Antaranya, termasuklah:

- Untuk melaksanakan peranan tentera infantri biasa memandangkan ia telah dilengkapi dengan anggota infantrinya sendiri yang organik dalam tiap-tiap skuadron; dan
- Menentukan supaya saluran-saluran perhubungan terbuka dan bebas dari ancaman musuh bagi memastikan bantuan logistik dapat disampaikan kepada pasukan-pasukan pengempur yang berada di medan depan dalam medan perjuangan.

"Semua peranan ini sedang dikaji dan saya berharap hasilnya dapat dilaksanakan tidak lama lagi," kata beliau.

Dengan terlaksananya rancangan itu, kata beliau, peluang-peluang untuk memajukan lagi anggota-anggotanya akan bertambah cerah bila kor itu memerlukan pegawai dan anggota-anggota yang tinggi kemahyuan, dedikasi, sanggup berkorban, jujur dan berdisiplin.

General Tan Sri Mohd Sany juga menegaskan, anggota-anggota rekrut, pelatih dan penuntut di Sekolah Jurutera Elektrik dan Jentera dan Sekolah Prantis Pertukangan Angkatan Tentera serta pelatih-pelatih di LATIDA melengkapkan diri masing-masing dengan pengetahuan yang diberi selaras dengan perkembangan dalam angkatan tentera yang semakin sophisticated.

AMPANG PARK KUALA LUMPUR Hari Ini 4 Pertunjukan Jam: 12.30-3.30-6.30-9.30 DIRECT FROM ITS ROADSHOW ENGAGEMENT! SPECIAL POPULAR PRICES "★★★★" — KAY NEWS "FASCINATING" — LIFE MAGAZINE "THE SAND PEBBLES" STEVE MCQUEEN RICHARD ATTENBOROUGH RICHARD CHERRY CAROLINE PENNE

Your favorite private eye is back! PAUL NEWMAN "THE DROWNING POOL" JOANNE WOODWARD TONY FRANCO/A

TENGAH MALAM INI DAN PERTUNJUKAN PAGI ESOK FEDERAL KUALA LUMPUR LIDO KUALA LUMPUR MULAI HARI INI Jam 2.30-6-9.00 "TINDAKAN TERAKHIR" SAIRA BANU JEETENDRA

Kabha Kabha dengan: AMITABH BACHCHAN RAKHEE RISHI KAPOOR NEETU SINGH HINDI-WARNA-S. BAHASA MALAYSIA

CINTA dan LAGU HARI INI Jam 2.30-6-8.45 RAJ KAPOOR RAJENDRA KUMAR PREM CHOPRA ARUNA IRANI KAMAL KAPOOR DO JASOOS

ORIENTAL-Ipoh Pembukaan Hari Ini Jam: 2.30-6.30-9.00 Sunil Dutt— Moushumi Chatterjee dalam "UMAR QAID" Warna-Warni

REX—Kampar Pertunjukan Pagi Esok Jam: 10.00 "ZAMEER" Warna—Warni ODEON—Ipoh Hari Ini Jam: 2.30-6.00-9.00 "KAALA SONA" Hindi—Warna—Eastman

KAM MAH MELAKA HARI INI 3.30-7.30-9.30 CAPONE (Fox-cs) Tukaran Akan Datang ZARDOZ